Kertas Bil. 19 / 2009

# PENYATA

## OLEH

# JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI SELANGOR

Ke atas:-

Y.B. Dato' Seri Dr Mohamad Khir bin Toyo, (ADUN Sungai Panjang);
Y.B. Dato' Marsum bin Paing, (ADUN Dengkil);
Y.B. Dato' Hj Warno bin Dogol, (ADUN Sabak);
Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, (ADUN Batang Kali); dan
Y.B. Dato' Hj Mohamed Idris bin Hj Abu Bakar, (ADUN Hulu Bernam).

# KANDUNGAN


| BIL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 1 | Mukadimah | 3 |
| 2 | Pertuduhan-pertuduhan | 4 |
| 3 | Pendengaran | 8 |
| 4 | Bantahan Awal | 12 |
| 5 | Hukuman | 17 |
| 6 | Lampiran | 19 |

Penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ke atas Y.B. Dato' Seri Dr Mohamad Khir bin Toyo (ADUN Sungai Panjang), Y.B. Dato' Marsum bin Paing (ADUN Dengkil), Y.B. Dato' Hj Warno bin Dogol (ADUN Sabak), Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim (ADUN Batang Kali) dan Y.B. Dato' Hj Mohamed Idris bin Hj Abu Bakar (ADUN Hulu Bernam).

**Mukadimah**

1. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kecekapan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) telah mengadakan satu pendengaran awam pada 23hb hingga 27hb, 30hb Mac dan 1hb April 2009 untuk menyiasat pemberian sumbangan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS).

2. Bagi membantu siasatan melalui pendengaran awam tersebut, saksi-saksi telah pun diperintahkan untuk menghadirkan diri di hadapan SELCAT untuk member keterangan.

3. Dua orang saksi telah pun enggan menghadirkan diri di hadapan SELCAT dan salah seorang daripadanya, Y.B. Dato' Seri Dr Mohamad Khir bin Toyo ("Dato' Seri Khir"), merupakan Ahli Dewan Negeri dari kawasan Sungai Panjang merangkap Ketua Pembangkang Dewan Negeri. Untuk keengganan seorang lagi saksi awam yang bernama Datin Seri Zaharah binti Kechik, Setiausaha Dewan telah membuat laporan polis menurut seksyen 3 Enakmen Penghinaan Dewan 2008 pada 4hb Mei 2009.

4. Sementara itu, terdapat 4 orang Ahli Dewan Negeri iaitu Y.B. Dato' Marsum bin Paing (ADUN Dengkil)("Dato' Marsum"), Y.B. Dato Hj Warno bin Dogol (ADUN Sabak)("Dato' Warno"), Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim (ADUN Batang Kali)("Y.B. Isa") dan Y.B. Dato' Hj Mohamed Idris bin Hj Abu Bakar (ADUN Hulu Bernam)("Dato' Idris") telah membuat kenyataan dalam akhbar yang menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan.

5. Selain daripada itu, Dato' Seri Khir juga membuat kenyataan melalui akbar dan blog yang menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan Negeri.

6. Jawatankuasa ini pada mesyuarat yang diadakan pada 14hb April 2009 mengambil maklum tentang keengganan Dato' Seri Khir untuk menghadirkan diri di hadapan SELCAT dan juga perbuatan Dato' Seri Khir dan empat orang Ahli Dewan Negeri tersebut yang membuat kenyataan melalui akhbar dan *blog* yang menyentuh hak-hak,kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan.

7. Jawatankuasa ini telah menetapkan 12hb Mei 2009 untuk mendengar pembelaan.

**Pertuduhan-pertuduhan**

8. Pertuduhan terhadap Dato' Seri Khir adalah seperti berikut:-

"bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan mengingkari Perintah SELCAT bertarikh 12.3.2009 di mana kamu telah gagal menghadirkan diri di hadapan SELCAT pada 24 hb, 25 hb dan 26 hb Mac 2009;

(ii) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam rencana kamu dalam *blog* "Cetusan Dr Mohamad Khir Toyo" bertarikh 2hb April 2009 bertajuk "SELCAT- Alat Mencari Kebenaran atau Serangan Peribadi" di mana kamu menyatakan:-

(a) dalam perenggan 1, "Sepertimana dijangkakan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) yang mengadakan sidang mereka sejak minggu lalu hanyalah bertujuan memburukkan saya tanpa berminat mencari kebenaran mahu pun kesalahan.";

(b) dalam perenggan 2, "Sungguh menghairankan bagaimana sidang SELCAT yang asalnya hanya bertujuan melihat sumbangan anak syarikat kerajaan negeri kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS) telah merayau-rayau ke dalam kewangan Permodalan Negeri

Selangor Berhad (PNSB). Aneh sekali tidak pula dipantau keseluruhan kewangan PNSB tetapi diambil bahagian-bahagian tertentu sahaja dengan niat ingin memburukkan saya.";

(c) Perenggan 14, "Ini semua dilakukan hanyalah untuk menghalalkan tindakan Tan Sri Khalid menyalah guna kuasanya menggunakan wang anak syarikat kerajaan negeri untuk kepentingan politik beliau di Bandar Tun Razak (Skandal lembu Korban) dan tindakan beliau membuat tuntutan wang kerajaan negeri untuk "tinted" kereta peribadinya.";

(d) Perenggan 16 "SELCAT patut menjaga integriti Dewan Undangan Negeri bukannya menjadi alat politik semata-semata sehinggakan pertanyaan yang dikemukakan berunsur memburukkan orang bukannya mencari kebenaran.";

(iii) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu kepada akhbar yang disiarkan dalam Sinar Harian bertarikh 18hb Mac 2009 iaitu "Mengulas mengenai perkara itu, Mohamad Khir yang juga Ketua Pembangkang negeri ini mendakwa wujud komplot untuk menjejaskan reputasi beliau yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO pada pemilihan parti tidak lama lagi. Ini semua peluang mereka memburuk-burukkan nama saya lebih-lebih lagi pemilihan tersebut tidak lama lagi dan mereka sengaja memilih tarikh tersebut untuk mengganggu proses pemilihan itu.";

(iv) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu kepada akhbar yang disiarkan dalam *The Star* bertarikh 19hb March 2009 iaitu:-

*"My lawyer advised me not to go. It was a one-sided hearing. SELCAT called me on the Balqis issue but I am not a Balqis member, so there is no locus standi for me to talk. I cannot clear my name because it is a structured hearing. SELCAT is made up of my political opponents. The only two Barisan members in it went the first day and stayed away after that. And SELCAT wants me, their enemy, to appear before them? If you and I are fighting, would you have something good to say about me? If I go to SELCAT, it is like I* serah diri *(surrender) before my political enemy. They are not interested in the truth. They are just trying to look for* kesalahan orang *(find fault). If they*

*are after the truth, they would have had professionals not politicians conducting the hearing. If it was conducted by ex-judges and non partisan ex-top civil servants, then I would have gone."*

9. Pertuduhan terhadap Dato' Marsum adalah "bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 26hb Mac, 2009 seperti berikut:-

"Tindakan kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) di dakwa mempunyai agenda tersirat untuk memburukkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing berkata, pendengaran awam SELCAT yang dijalankan sejak tiga hari lalu mempunyai motif balas dendam terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah Selangor sebelum ini.

Menurut beliau, tidak salah jika SELCAT ingin membuat siasatan tetapi setiap yang mereka lalukan adalah bergantung pada niat dan jelas menunjukkan mereka berniat buruk.

'Sekiranya beliau mendapati dalam kerajaan terdahulu ada kelemahan dan merasakan mereka bagus, mereka akan membetulkan dan memperbaiki kelemahan itu, bukannya mengaibkan pihak tertentu.

'Apa yang mereka lakukan jelas mempunyai niat tidak baik dan apa yang mereka lakukan hanya menutup kelemahan mereka. Kerajaan negeri membuat pelbagai tuduhan terhadap BN tetapi sebenarnya mereka lebih buruk, katanya'"

10. Pertuduhan terhadap Dato' Warno adalah "bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 26hb Mac, 2009 seperti berikut:-

"Tidak wajar SELCAT menjalankan pendengaran awam itu secara terbuka kerana ia masih dalam siasatan. Memang sikap mereka suka mengaibkan orang'

'Mereka tidak sepatutnya menyiarkan siasatan itu kepada awam kerana belum tentu kebenaran dan kesahihannya', katanya."

11. Pertuduhan terhadap Y.B. Isa adalah "bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 19hb Mac, 2009 seperti berikut:-

"Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) dianggap berat sebelah dan memilih isu sebagai subjek siasatan untuk didedahkan kepada umum.

Keputusan menyiasat kes yang sudah lama ditutup termasuk memanggil beberapa saksi untuk memberi keterangan pada sesi pendengaran awam berhubung penajaan anak syarikat negeri dan syarikat swasta terhadap badan bukan kerajaan (NGO) itu menampakkan kerajaan Pakatan Rakyat sekarang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali, Mohd Isa Abu Kasim berkata, perkara itu sepatutnya dielakkan bagi memastikan kredibiliti jawatankuasa tersebut tidak dipersoalkan.

'Kalau mereka benar-benar telus, mereka kena siasat semua kes dan bukannya pilih-pilih isu, kenapa pilih kes tertentu?

'Kalau isu yang melibatkan pemimpin BN, bersungguh-sungguh hendak disiasat tetapi tidak melakukan tindakan sama terhadap pemimpin mereka terutamanya isu lembu dan Lexus' katanya ketika dihubungi Sinar Harian'".

12. Pertuduhan terhadap Dato' Idris adalah "bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 19hb Mac, 2009 seperti berikut:-

"Tindakan SELCAT itu juga turut dibidas ADUN Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar yang mahu siasatan terhadap kes yang dilaporkan perlu menyeluruh dan tidak bias

'Sekiranya SELCAT tidak memanggil pihak yang terbabit dalam isu lembu dan Lexus, kerajaan negeri menggunakan SELCAT untuk merealisasikan agenda 'balas dendam' terhadap BN".

**<u>Pendengaran</u>**

13. Satu pendengaran telah dipanggil untuk membolehkan kelima-lima Ahli Dewan Negeri memberi keterangan bagi membela diri terhadap pertuduhan mereka masing-masing.

14. Pada hari pendengaran, kelima-lima Ahli Dewan Negeri tersebut masing-masing diwakili oleh 7 orang peguam.

15. Peguam kelima-lima Ahli Dewan tersebut telah membangkitkan 5 bantahan awal terhadap pendengaran oleh Jawatankuasa ini.

16. Kelima-lima bantahan awal tersebut, melainkan satu di mana keputusan ditangguhkan sehingga pendengaran selesai, telah ditolak.

17. Selepas itu, kelima-lima Ahli Dewan Negeri tersebut telah memaklumkan Jawatankuasa ini bahawa mereka tidak ingin membuat pengakuan dan tidak ingin memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa ini.

18. Jawatankuasa ini kesal dengan sikap kelima-lima Ahli Dewan Negeri yang mengambil keputusan tidak mahu membela diri apabila diberi peluang sepenuhnya di mana 7 orang peguam dibenarkan hadir bersama malah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pendengaran ini.

19. Oleh kerana pendirian yang diambil oleh kelima-lima Ahli Dewan Negeri tersebut, Jawatankuasa ini tidak mempunyai pilihan lain melainkan menganggap mereka melepaskan hak dan peluang untuk membela diri.

20. Jawatankuasa ini telah meneliti dan menghalusi setiap pertuduhan tersebut.

21. Keputusan Jawatankuasa ini terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Pertuduhan 1 terhadap Dato' Seri Khir
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 menolak)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - menolak |

(ii) Pertuduhan ke 2 terhadap Dato' Seri Khir
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(iii) Pertuduhan ke 3 terhadap Dato' Seri Khir
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(iv) Pertuduhan ke 4 terhadap Dato' Seri Khir
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(v) Pertuduhan terhadap Dato' Warno
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(vi) Pertuduhan terhadap Y.B. Isa
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(vii) Pertuduhan terhadap Dato' Marsum
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

(viii) Pertuduhan terhadap Dato' Idris
Keputusan: Bersalah (4 menyokong, 1 berkecuali)

| | |
|---|---|
| Y.B. Puan Gan Pei Nei | - menyokong |
| Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar | - menyokong |
| Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan | - menyokong |
| Y.B. Tuan Amirudin bin Shari | - menyokong |
| Y.B. Tuan Wong Koon Mun | - berkecuali |

22. Pada 19hb Mei 2009, Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat bagi memutuskan hukuman yang harus dikenakan ke atas kelima-lima Ahli Dewan Negeri tersebut setelah didapati bersalah di atas pertuduhan masing-masing.

23. Ketiga-tiga Ahli Jawatankuasa ini yang hadir pada mesyuarat pada 19hb Mei 2009 iaitu Y.B. Puan Gan Pei Nei, Y.B. Dr Shafie bin Abu Bakar dan Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan dengan sebulat suara memutuskan hukuman berikut:-

(a) bagi pertuduhan pertama, Dato' Seri Khir dikenakan hukuman penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama satu (1) tahun dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama satu (1) tahun.

(b) bagi pertuduhan ke 2, ke 3 dan ke 4, Dato' Seri Khir dikenakan hukuman penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama satu (1) tahun dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama satu (1) tahun.

(c) Jawatankuasa ini juga memutuskan bahawa keempat-empat hukuman yang dijatuhkan ke atas Dato' Seri Khir hendaklah dijalankan serentak.

24. Bagi Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain, hukuman yang dikenakan adalah seperti berikut:-

(a) Bagi Dato' Warno, penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama enam (6) bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama enam (6) bulan.

(b) Bagi Y.B. Isa, penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama enam (6) bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama enam (6) bulan.

(c) Bagi Dato' Marsum, penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama enam (6) bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama enam (6) bulan.

(d) Bagi Dato' Idris, penggantungan daripada perkhidmatan Dewan selama enam (6) bulan dan dipotong semua elaun serta kemudahan bulanan selama enam (6) bulan.

**Bantahan Awal**

25. Pada permulaan pendengaran Jawatankuasa ini, peguam kelima-lima Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan bantahan awal berikut:-

(a) bahawa terdapat percanggahan kepentingan di pihak Tuan Speaker yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa ini kerana Pengerusi Jawatankuasa ini juga adalah Pengerusi SELCAT dan dalam pendengaran ini SELCAT merupakan pengadu. Oleh itu, Tuan Speaker merupakan pengadu, pendakwa dan pembuat keputusan dalam pendengaran ini;

(b) bahawa Jawatankuasa ini melampaui bidang kuasa apabila mengeluarkan saman yang mempunyai pertuduhan dan juga meminta pembelaan dibuat;

(c) bahawa saman yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini adalah cacat kerana tidak mematuhi seksyen 152 Kanun Acara Jenayah untuk menyatakan kesalahan substantif;

(d) bahawa mengikut Peraturan 70, Dewan (*assembly)* bererti Dewan Negeri dan tidak merangkumi jawatankuasa Dewan; SELCAT sebagai jawatankuasa Dewan tidak dirangkumi dalam takrifan Dewan Negeri dan SELCAT hanyalah sebahagian daripada "*House*"; oleh itu, pertuduhan bahawa terdapat kesalahan menghina Dewan adalah di luar bidang kuasa Jawatankuasa;

(e) bahawa seksyen 8 Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memberikan hak kepada Ahli Dewan yang dipanggil oleh Jawatankuasa ini yang hadir sebagai saksi atau tertuduh untuk diwakili peguam.

26. Jawatankuasa ini telah menolak bantahan awal dalam perenggan 23(a) hingga (d) dan menangguhkan keputusan ke atas bantahan awal dalam perenggan 23(e).

27. Alasan-alasan Jawatankuasa menolak bantahan awal tersebut adalah dijelaskan di sini. Sebagai permulaan, adalah dinyatakan terlebih dahulu, bahawa Jawatankuasa ini adalah satu jawatankuasa Dewan yang ditubuhkan mengikut Peraturan Tetap 70 (1), Peraturan-peraturan Tetap Dewan untuk menimbangkan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya yang nampaknya menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan.

28. Peraturan 70(2) memperuntukkan bahawa seorang ahli boleh melaporkan perkara melanggar peraturan hak-hak dan kebebasan Dewan kepada Tuan Speaker dan Tuan Speaker bolehlah menyerahkan perkara sedemikian untuk ditimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

29. Dalam pertuduhan pertama terhadap Dato' Seri Khir iaitu keengganan menghadirkan diri di hadapan SELCAT merupakan perkara yang diketahui umum kerana pendengaran SELCAT tersebut adalah satu pendengaran awam yang terbuka dan disiarkan secara langsung melalui *internet webcast.*

30. Jawatankuasa ini telah mengambil maklum perkara ini seperti *judicial notice* di mana mahkamah akan mengambil maklum perkara yang diketahui umum.

31. Oleh yang demikian, soal Tuan Speaker yang menjadi pengadu dan pendakwa dalam pertuduhan tersebut adalah tidak berasas.

32. Hujah peguam bahawa Tuan Speaker menjadi pemutus juga tidak berasas kerana sekiranya terdapat belah bahagian (mengundi) dalam Jawatankuasa ini, Tuan Speaker selaku pengerusi tidak boleh mengundi kecuali jika bilangan

kedua-dua pihak adalah sama banyak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan 74(4).

33. Selanjutnya, haruslah diingat bahawa sidang Dewan Negeri atau jawatankuasa di bawahnya bukanlah mahkamah. Tuan Speaker sememangnya diberi kuasa yang amat besar untuk mengendalikan sidang Dewan termasuk member tafsiran kepada Peraturan-peraturan Tetap.

34. Di bawah Peraturan 44, Tuan Speaker diberi kuasa yang besar untuk mendisiplinkan ahli Dewan sehingga berkuasa untuk menggantung perkhidmatan seseorang ahli.

35. Dalam konteks ini, Tuan Speaker mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai pengadu, pendakwa dan hakim.

36. Walaupun Jawatankuasa ini dan SELCAT mempunyai bidang kuasa tugas yang berlainan, tetapi pada hakikatnya kedua-duanya merupakan anggota Dewan yang menjalankan tugas Dewan. Jika mahkamah undang-undang mempunyai kuasa untuk menghukum mana-mana orang yang menghina mahkamah di mana hakim boleh menjadi pengadu, pendakwa dan hakim, tidak ada alasan mengapa Jawatankuasa ini tidak boleh menghukum kesalahan menghina Dewan hanya kerana Tuan Speaker merupakan pengerusi kepada kedua-dua jawatankuasa ini.

37. Untuk bantahan dalam perenggan 23(b), seksyen 5 Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 sememangnya memperuntukkan bahawa satu saman hendaklah dikeluarkan:-

> "Any order to attend to give evidence or to produce documents before the Assembly or before any committee shall be notified to the person required to attend or to produce documents by a *summons* ....." (Penekanan ditambah)

38. Seksyen 5 tidak memperuntukkan bahawa orang yang disampaikan saman hendaklah diberi notis apakah keterangan yang dikehendaki daripada beliau walaupun ada diperuntukkan bahawa orang yang disampaikan saman hendaklah dimaklumkan jenis dokumen yang dikehendaki dibentangkan.

39. Tetapi seksyen 5 juga tidak memperuntukkan bentuk dan isi kandungan saman yang tetap. Oleh yang demikian, ia tidak menghalang Jawatankuasa ini menggubal saman mengikut kehendak keadaan.

40. Pertuduhan yang terkandung dalam saman bertarikh 4hb Mei 2009 merupakan notis tambahan kepada Dato' Seri Khir yang akan mengetahui apakah keterangan yang diharapkan daripada beliau untuk didengar oleh Jawatankuasa ini.

41. Penambahan notis tambahan ini memberi keadilan kepada Dato' Seri Khir dan langsung tidak memperjudiskan kedudukan beliau dalam pendengaran Jawatankuasa ini.

42. Bantahan ini bercanggahan dengan pendirian beliau dalam bantahan ketiga seperti terkandung dalam perenggan 25(c) di atas di mana beliau melalui peguamnya menyatakan bahawa pertuduhan tersebut tidak menzahirkan atau membutirkan kesalahan-kesalahan substantif atau peruntukan undang-undang yang kononnya diingkari dan bercanggahan dengan seksyen 152 Kanun Acara Jenayah.

43. Dalam bantahan ke-2, beliau membantah tersuratnya pertuduhan dan dalam bantahan ke-3, beliau pula membantah bahawa pertuduhan tidak terperinci. Dalam bahasa Inggeris, beliau "*blows hot and cold*".

44. Tetapi dalam pada itu bantahan ke-3 ini juga tidak bermerit kerana pendengaran di hadapan Jawatankuasa ini bukanlah pendakwaan dan perbicaraan jenayah di mana Kanun Acara Jenayah terpakai. Tiada pendakwaraya yang terlibat dalam pendengaran ini.

45. Oleh yang demikian, bantahan pertama, ke-2 dan ke-3 yang dihujahkan oleh En. M. Athimulan, peguam Dato' Seri Khir adalah ditolak.

46. Peguam Dato' Seri Khir yang ke-2, En. Kamarul Hisham membangkitkan 2 bantahan.

47. Pertama ialah mengikut Peraturan 70, Dewan (assembly) bererti Dewan Negeri dan tidak merangkumi jawatankuasa Dewan; SELCAT sebagai jawatankuasa Dewan tidak dirangkumi dalam takrifan Dewan Negeri dan SELCAT hanyalah sebahagian daripada "House"; oleh itu, pertuduhan bahawa terdapat kesalahan menghina Dewan adalah di luar bidangkuasa Jawatankuasa.

48. Jawatankuasa ini merasa kesal dengan hujah bantahan ini kerana setelah diteliti, adalah didapati bahawa istilah "House" tidak wujud langsung dalam Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Istilah yang ada dalam Peraturan-peraturan Tetap adalah "assembly" dan "committee".

49. Penghujahan sedemikian serupa dengan "deception on Court" yang melanggari etika peguam bela dan peguam cara.

50. Atas hujah yang tidak berasas ini, bantahan awal ini boleh ditolak.

51. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini ingin menarik perhatian kepada semua seksyen dalam Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang merujuk kepada "assembly" dan "committee" berhubung dengan semua perkara dalam Jadual tersebut.

52. Ini bererti, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memang berniat memberikan kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan yang sama kepada Dewan (assembly) dan jawatankuasa (committee).

53. Perenggan ke-2, mukasurat 131, Erskine May Parliamentary Practice (Edisi ke 23) menyatakan bahawa "*[d]isobedience to the order of a committee made within its authority is a contempt of the House by which the committee was appointed. Individuals have been held to be in contempt who did not comply with orders for their attendance made by committees with the necessary powers to send for persons; or have those who have disobeyed or frustracted committee orders for the production of papers.*"

54. Ini memperkukuhkan lagi hujah bahawa penghinaan terhadap jawatankuasa juga adalah penghinaan terhadap Dewan dan begitu juga dengan perlanggaran hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan.

55. Bantahan ke-5 ialah bahawa seksyen 8 Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memberikan hak kepada orang yang dipanggil oleh Jawatankuasa ini untuk hadir sebagai saksi atau tertuduh diwakili peguam.

56. Peruntukan seksyen 8(1) Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah berbunyi seperti berikut:-

"Every person ordered to attend to give evidence or to produce any paper, book, record or document before the Assembly or any committee shall be entitled, *in respect of such evidence or the disclosure of any communication or the production of any such paper, book, record or document*, to the same right or privilege as before a court of law." (Penekanan ditambah)

57. Seksyen 8(1) tersebut jika dibaca tanpa bahagian yang diberi penekanan, memang membawa maksud seseorang itu diberi hak untuk diwakili peguam di hadapan Dewan atau jawatankuasa di bawahnya.

58. Tetapi sebenarnya hak atau keistimewaan dalam seksyen 8(1) hanya terhad kepada dan berkenaan dengan keterangan itu atau pendedahan apa-apa komunikasi atau pengemukaan apa-apa kertas, buku, rekod atau dokumen sedemikian.

59. Adalah pendapat Jawatankuasa ini bahawa hak dan kebebasan yang diberikan dalam seksyen 8(1) tersebut hanya terhad kepada keterangan, komunikasi, kertas, buku, rekod atau dokumen yang *privileged* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab IX, Bahagian III, Akta Keterangan 1950 dan tidak lebih daripada itu.

60. Fasal 5 Perlembagaan Persekutuan berkenaan hak untuk di wakili peguam juga tidak terpakai dalam pendengaran di hadapan Jawatankuasa ini kerana peruntukan Fasal 5 hanya berkaitan dengan tahanan dan tangkapan di mana akses kepada peguam adalah dijamin.

61. Oleh yang demikian, kelima-lima bantahan awal hendaklah ditolak oleh Jawatankuasa ini.

## Hukuman

62. Hukuman ke atas kelima-lima Ahli Dewan tersebut telah diputuskan setelah mempertimbangkan keseriusan kesalahan, kewibawaan Dewan dan jawatankuasa di bawahnya dan keyakinan serta keberkesanan Dewan dan jawatankuasanya menjalankan tugas.

63. Kes terdahulu iaitu kes Y.B. Puan Fong Poh Kuan (Parlimen), Y.B. Tuan Karpal Singh(Parlimen), Y.B. Tuan Gobind Singh( Parlimen) dan Y.B. Tuan Teng Chang Khim telah dikaji dan adalah pendapat Jawatankuasa ini bahawa hukuman dalam pendengaran ini adalah setimpal dan mematuhi piawai amalan badan perundangan dalam Malaysia.

64. Penggantungan perkhidmatan dan potongan elaun dan kemudahan bulanan adalah hukuman yang pernah dikenakan oleh Dewan Negeri Selangor dan sejajar dengan amalan di Parlimen Commonwealth seperti di United Kingdom.

65. Erskine May Parliamentary Practice (Edisi ke 23) merakamkan di perenggan 3 dalam mukasurat 164 bahawa "[s]ince the passing of Standing Order No. 45A 1998, withholding of the Member's salary is an automatic consequence of suspension."

66. Keputusan bahawa empat hukuman penggantung perkhidmatan dan potongan elaun bulanan terhadap Dato' Seri Khir dijalankan secara serentak adalah juga sejajar dengan prinsip bahawa keempat-empat kesalahan tersebut adalah berasal dari isu yang sama.

**( Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM )**
Pengerusi
Jawatankuasa Hak dan Kebebasan
Dewan Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor
Bertarikh pada 30hb Jun 2009.

# LAMPIRAN

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

# SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Dato' Seri Dr Hj Mohamad Khir bin Toyo**, dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **12 Mei, 2009** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 10.00 pagi, di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan pembelaan diri terhadap pertuduhan-pertuduhan bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan mengingkari Perintah SELCAT bertarikh 12.3.2009 di mana kamu telah gagal menghadirkan diri di hadapan SELCAT pada 24, 25 dan 26 Mac 2009;

(ii) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam rencana kamu dalam blog "Cetusan Dr Mohamad Khir Toyo" bertarikh 2 April 2009 bertajuk "Selcat- Alat Mencari Kebenaran atau Serangan Peribadi" di mana kamu menyatakan:-

(a) dalam perenggan 1, "Sepertimana dijangkakan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) yang mengadakan sidang mereka sejak minggu lalu hanyalah bertujuan memburukkan saya tanpa berminat mencari kebenaran mahu pun kesalahan.";

(b) dalam perenggan 2, "Sungguh menghairankan bagaimana sidang Selcat yang asalnya hanya bertujuan melihat sumbangan anak syarikat kerajaan negeri kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (Balkis) telah merayau-rayau ke dalam kewangan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Aneh sekali tidak pula dipantau keseluruhan kewangan PNSB tetapi diambil bahagian-bahagian tertentu sahaja dengan niat ingin memburukkan saya.";

(c) dalam perenggan 14, "Ini semua dilakukan hanyalah untuk menghalalkan tindakan Tan Sri Khalid menyalahguna kuasanya menggunakan wang anak syarikat kerajaan negeri untuk kepentingan politik beliau di Bandar Tun Razak (skandal lembu korban) dan tindakan beliau membuat tuntutan wang kerajaan negeri untuk "*tinted*" kereta peribadinya.";

(d) dalam perenggan 16, "Selcat patut menjaga integriti Dewan Undangan Negeri bukannya menjadi alat politik semata-semata sehinggakan pertanyaan yang dikemukakan berunsur memburukkan orang bukannya mencari kebenaran.";

(iii) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu kepada akhbar yang disiarkan dalam Sinar Harian bertarikh 18 Mac 2009 iaitu "Mengulas mengenai perkara itu, Mohamad Khir yang juga Ketua Pembangkang negeri ini mendakwa wujud komplot untuk menjejaskan reputasi beliau yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO pada pemilihan parti tidak lama lagi. Ini semua peluang mereka memburuk-burukkan nama saya lebih-lebih lagi pemilihan tersebut tidak lama lagi dan mereka sengaja memilih tarikh tersebut untuk mengganggu proses pemilihan itu.";

(iv) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu kepada akhbar yang disiarkan dalam *The Star* bertarikh 19 Mac 2009 iaitu:-

"My lawyer advised me not to go. It was a one-sided hearing. Selcat called me on the Balqis issue but I am not a Balqis member, so there is no locus standi for me to talk. I cannot clear my name because it is a structured hearing. Selcat is made up of my political opponents. The only two Barisan members in it went the first day and stayed away after that. And Selcat

wants me, their enemy, to appear before them? If you and I are fighting, would you have something good to say about me? If I go to Selcat, it is like I *serah diri* (surrender) before my political enemy. They are not interested in the truth. They are just trying to look for *kesalahan orang* (find fault). If they are after the truth, they would have had professionals not politicians conducting the hearing. If it was conducted by ex-judges and non partisan ex-top civil servants, then I would have gone."

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Bertarikh pada 4 haribulan Mei, 2009.

Saya yang menurut perintah,

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha Bahagian
Dewan Undangan Negeri
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan

> FROM PREVIOUS PAGE

# 'They are just out to get me'

**Balqis dinners at Sunway Lagoon on July 24, Aug 2, 3, 4, 2007?**

It was for fund raising and we got RM6mil for charity.

**KDEB also paid RM17,000 for tickets for Balqis to go to China to buy artificial flowers and caps there when the company has a branch in Kepong. Why waste money. It could have been done in Kepong?**

I really don't know. But it must have been approved by the KDEB management. It might be cheaper to fly there and order it from there. You know how cheap things are in China. What costs 10 sen there costs RM10 here. I know my wife very well. She is very careful about accounting. She's far-sighted and always thinking about how to save money. Perhaps that's why she bought so many flowers and caps for the welfare programmes at one go, to save money. And she gets really frustrated when the public thinks otherwise.

**KDEB, PNSB and PKNS all said they became like a *tukang bayar* and that whenever there was a request from Balqis, they felt obliged to pay because you were after all the Mentri Besar then and thus Balqis had to be accorded special treatment.**

They should have brought it up with the board if they were unhappy. These companies have put aside a certain amount for charity (under their Corporate Social Responsibility programme) and they can channel the money to any club or charitable organisation. In fact, KDEB sponsors football programmes more than it does Balqis events. Balqis is a welfare organisation, and as far as I am concerned the money is not misused. It goes to the target group. During the Chinese New Year, they give RM100 to 1,000 poor Chinese; for Hari Raya they give money out to poor Malays and during Deepavali it goes to poor Indians. They also buy wheelchairs, and prosthetic limbs for the disabled and fund dialysis treatment. That's what is important.

**But did you make calls and give verbal instructions to fund Balqis' activities?**

No. Never. In fact, you can check my phone bill. It was all done through proper procedures. I am very sure about that. In my eight years, I never called a single officer up and asked them to do things without going through meetings first. They are trying to save their own skin. I never used my office for my personal gain.

**They are saying 'yes' and you are saying 'no'. Who is telling the truth?**

I never called. If you want to be sure, you can check my phone bill.

**It was also disclosed that PNSB had to pay the salaries of three workers who worked for Balqis exclusively?**

They were actually PNSB staff. They were just loaned to Balqis to help out like once a week or something like that. They were not doing it full time.

**Have you spoken to your wife about the Balqis issue and what has she been saying?**

She said everything had been done according to procedure and no money had been spent for her own purpose. It was all done for the welfare programme.

**Are you not worried that your reputation has been smeared?**

That's why I won't forgive them till I die. The people will come to know the truth later on. The people are fed up with this kind of gutter politics.

**Are you suing the state government?**

I am looking into it.

**This issue has tarnished not just your image but also that of Umno?**

That's why I won't forgive them. Maybe when they are in power, they forget that God is there. When you do something bad to people, one day God will do something bad to you. Wait and see. Time will tell.

**How are going to repair your reputation?**

I will go down to the people. I will talk to them about what Pakatan is doing to the country, to the state now. They *bohong banyak* (lie a lot). They said they were planning RM10bil for the Klang River development programme and I have waited more than three months and there is nothing. Don't bluff the people. That is the whole reason they want to suspend me so that I will not raise the issue.

**Is your conscience clear?**

Very clear. If they do this to me and expect me to keep quiet, they are talking to the wrong person. I will continue to speak up because I love Selangor very much. I will talk because I know what they are doing. Even if they suspend me from the state assembly, they can't prevent me from talking to the public. I will keep talking. Because as far as I am concerned my job is to advise and *tegur* (criticise).

**Do you think people will believe you?**

I think so. I still got the number two spot in the Umno Youth Chief elections. As for the public, when I go around, I still draw in crowds. For example, when I went to campaign in the Bukit Gantang by-election, so many people came to my *ceramah*. This happens everywhere I go.

## Some of the other allegations

1. Buying 12 units of Al-Marwa Tower in Mecca for RM25mil when PNSB only gave approval for the purchase of five units for RM8mil.

2. State companies made to pick up the tab for extravagant gifts to VVIP guests costing up to RM65,000.

3. A Balqis request that PNSB sponsor a RM3,600 Summerman suit to be given to Dr Khir as a souvenir for officiating a Balqis Chinese New Year function.

4. Using the MB's office on behalf of Balqis to request for approval from MITI for an AP to bring in RM40,000 worth of Indonesian batik.

5. PNSB paid RM338,000 for a Balqis sporting event, including RM131,000 for tracksuits for participants.

6. KDEB paid RM25,000 for chocolates as souvenirs for a Balqis event when imported chocolates would have cost less.

7. Balqis getting RM1mil a year in donation from the state companies.

8. PNSB forking out RM100,000 for a Balqis sponsored SPM programme.

9. Expensive trips overseas including to Paris, Tokyo, Morocco and Hong Kong.

Read the response to the above on: thestar.com.my

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

# SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Dato' Haji Warno bin Dogol**, dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **12 Mei, 2009** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 11.00 pagi, di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan pembelaan diri terhadap pertuduhan bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 26 Mac, 2009 seperti berikut:-

> "Tidak wajar Selcat menjalankan pendengaran awam itu secara terbuka kerana ia masih dalam siasatan. Memang sikap mereka suka mengaibkan orang.'
>
> 'Mereka tidak sepatutnya menyiarkan siasatan itu kepada awam kerana belum tentu kebenaran dan kesahihannya', katanya."

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Bertarikh pada 4 haribulan Mei, 2009.

Saya yang menurut perintah,

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha Bahagian
Dewan Undangan Negeri
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan

26/3/09
SINAR

# Selcat aibkan pihak tertentu: ADUN BN



● MARSUM PAING



● WARNO DOGOL

SHAH ALAM – Tindakan kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) didakwa mempunyai agenda tersiart untuk memburukkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing berkata, pendengaran awam Selcat yang dijalankan sejak tiga hari lalu mempunyai motif balas dendam terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah Selangor sebelum ini.

Menurut beliau, tidak salah jika Selcat ingin membuat siasatan tetapi setiap yang mereka lakukan adalah bergantung pada niat dan jelas menunjukkan mereka berniat buruk.

"Sekiranya beliau mendapati dalam kerajaan terdahulu ada kelemahan dan merasakan mereka bagus, mereka akan memperbetulkan dan memperbaiki kelemahan itu, bukannya mengaibkan pihak tertentu.

"Apa yang mereka lakukan jelas mempunyai niat tidak baik dan apa yang mereka lakukan hanya untuk menutup kelemahan mereka. Kerajaan negeri membuat pelbagai tuduhan terhadap BN tetapi sebenarnya mereka lebih teruk," katanya.

Katanya, jika dilihat dari segi ketelusan, kerajaan negeri juga tidak telus terutamanya berhubung isu pengeluaran tender dan sebut harga.

Kenyataan Marsum juga turut disokong oleh ADUN Sabak, Datuk Warno Dogol yang menganggap perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku terutamanya ketika pemilihan UMNO yang sedang berlangsung sejak 24 Mac lalu.

"Tidak wajar Selcat menjalankan pendengaran awam itu secara terbuka kerana ia masih dalam siasatan. Memang sikap mereka suka mengaibkan orang lain.

"Mereka tidak sepatutnya menyiarkan siasatan itu kepada awam kerana belum tentu kebenaran dan kesahihannya," katanya.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi Selcat, Haniza Mohamad Talha dalam kenyataannya berkata, penubuhan Selcat bukan untuk mencari salah sesiapa tetapi hanya mahu menyiasat kes-kes yang melibatkan pentadbiran kerajaan negeri kemudian.

Katanya, Selcat berbuat demikian bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh diperbaiki malah dapat mengelakkan kelemahan tersebut di masa akan datang dalam pentadbiran negeri dalam usaha mewujudkan urus tadbir yang lebih mantap dan telus.

Bagaimanapun, apa yang dilihat hari ini Selcat seolah-olah sedang mencari aib pihak tertentu.

Sinar
AKHBAR KOMUNITI ORANG SELANGOR•KL

...asaran
Malaysia
...anjem 016-666 6619
Hairi 019 - 6500 376

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

# SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Mohd Isa bin Abu Kasim**, dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **12 Mei, 2009** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 11.00 pagi, di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan pembelaan diri terhadap pertuduhan bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 19 Mac, 2009 seperti berikut:-

"Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (Selcat) dianggap berat sebelah dan memilih isu sebagai subjek siasatan untuk didedahkan kepada umum.

Keputusan menyiasat kes yang sudah lama ditutup termasuk memanggil beberapa saksi untuk memberi keterangan pada sesi pendengaran awam berhubung penajaan anak syarikat negeri dan syarikat swasta terhadap badan bukan kerajaan (NGO) itu menampakkan kerajaan Pakatan Rakyat sekarang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batang Kali, Mohd Isa Abu Kasim berkata, perkara itu sepatutnya dielakkan bagi memastikan kredibiliti jawatankuasa tersebut tidak dipersoalkan.

'Kalau mereka benar-benar telus, mereka kena siasat semua kes dan bukannya pilih-pilih isu, kenapa pilih kes tertentu?

'Kalau isu yang melibatkan pemimpin BN, bersungguh-sungguh hendak disiasat tetapi tidak melakukan tindakan sama terhadap pemimpin mereka terutamanya isu lembu dan Lexus' katanya ketika dihubungi Sinar Harian".

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Bertarikh pada 4 haribulan Mei, 2009.

Saya yang menurut perintah,

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha Bahagian
Dewan Undangan Negeri
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan

# Isu lembu, Lexus tetap disiasat

RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM – Isu Lembu, Lexus dan pasir yang melibatkan adik Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim juga tidak terlepas dari siasatan sekiranya fail-fail yang berkaitan kes terbabit dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat).

Timbalan Pengerusi Selcat, Haniza Mohamed Talha berkata, mana-mana kes yang dirujuk kepada Selcat tetap disiasat dan akan dilakukan secara berperingkat mengikut hasil maklumat yang diperoleh.

Menurut beliau, kes Balkis didahulukan berbanding kes lain memandangkan segala maklumat dan fail-fail maklumat berkaitan telah diserahkan kepada Selcat lebih awal lagi.

"Selcat memanggil mereka kerana hanya mahu menyiasat kerana fail-fail maklumat mengenai isu Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis) telah dirujuk kepada Selcat tahun lalu.



HANIZA

"Selcat bukan untuk mencari salah sesiapa tetapi hanya mahu menyiasat kes yang melibatkan kerajaan negeri," katanya.

Menurut beliau, tujuan Selcat bagi mengenal pasti kelemahan dalam urus tadbir yang boleh diperbaiki.

Haniza berkata, Selcat juga ingin melihat bagaimana dapat mengelakkan kelemahan itu di masa akan datang dalam pentadbiran negeri dalam usaha mewujudkan urus tadbir yang lebih mantap dan telus.

"Kita hanya ingin menyiasat adakah wang penajaan yang disalurkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Sejauh mana pengurusan wang penajaan itu, adakah mengikut peruntukan yang betul?," katanya.

"Selepas hampir 11 kali bermesyuarat, Selcat memutuskan untuk memanggil 11 saksi untuk memberi keterangan berhubung isu Balkis," katanya.

Haniza turut memaklumkan Selcat akan mengadakan siasatan seterusnya berhubung kes perbelanjaan peruntukan setengah juta oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional dalam masa dua bulan sahaja sebelum 8 Mac 2008.

Ketika ditanya adakah tindakan penjara 12 bulan dan denda RM3,000 mengikut Seksyen 3 Enakmen Penghinaan Dewan 2008 telah diwartakan, beliau memaklumkan bahawa enakmen tersebut telah pun diwartakan dan perlu dipatuhi semua pihak.

# Selcat jangan pilih kasih: ADUN BN

SHAH ALAM – Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) dianggap berat sebelah dan memilih isu sebagai subjek siasatan untuk didedahkan kepada umum.

Keputusan menyiasat kes yang sudah lama ditutup termasuk memanggil beberapa saksi untuk memberi keterangan pada sesi pendengaran awam berhubung penajaan anak syarikat negeri dan syarikat swasta terhadap badan bukan kerajaan (NGO) itu menampakkan kerajaan Pakatan Rakyat sekarang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri ... Kasim berkata, perkara itu sepatutnya dielakkan bagi memastikan kredibiliti jawatankuasa tersebut tidak dipersoalkan.

"Kalau mereka benar-benar telus, mereka kena siasat semua kes dan bukannya pilih-pilih isu, kenapa mesti pilih kes tertentu?

"Kalau isu yang melibatkan pemimpin BN, bersungguh-sungguh hendak disiasat tetapi tidak melakukan tindakan sama terhadap pemimpin mereka terutamanya isu lembu dan Lexus," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Beliau berkata demikian ketika tindakan Selcat memanggil bekas Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Selangor (Balkis), Datin Seri Zaharah Kechik bagi memberi keterangan berhubung wang tajaan anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat swasta kepada NGO itu dalam sesi pendengaran awam pada 23 hingga 31 Mac ini.

Turut dipanggil, suami beliau yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan sembilan saksi lain dan Selcat memberi amaran akan mengambil tindakan tegas termasuk penjara 12 bulan atau denda RM3,000 sekiranya kesemua saksi gagal hadir.

Tindakan Selcat itu juga turut dibidas ADUN Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar yang mahu siasatan terhadap kes yang dilaporkan perlu menyeluruh dan tidak bias.

"Sekiranya Selcat tidak memanggil pihak yang terbabit dalam isu lembu dan Lexus, kerajaan negeri menggunakan Selcat untuk merealisasikan agenda 'balas dendam' terhadap BN.



MOHAMED IDRIS



SULAIMAN



MOHD ISA

"Siasatan Selcat perlu menyeluruh kalau mereka betul-betul telus dan adil menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Sementara itu, ADUN Permatang, Sulaiman Abdul Razak berkata, cadangan akan dikemukakan kepada Selcat agar beberapa kes lain juga disiasat jawatankuasa tersebut.

"Kita juga perlu melihat kembali prinsip penubuhan Selcat yang mengutamakan kepentingan awam dan mengikut protokol yang telah ditetapkan, oleh itu semua pihak akan dipanggil untuk memberi keterangan termasuk menteri besar, Exco kerajaan negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan," katanya yang juga salah seorang daripada anggota Selcat.

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

# SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Dato' Marsum bin Paing**, dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **12hb Mei, 2009** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 11.00 pagi, di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan pembelaan diri terhadap pertuduhan bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 26 Mac, 2009 seperti berikut:-

"Tindakan kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) di dakwa mempunyai agenda tersirat untuk memburukkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing berkata, pendengaran awam Selcat yang dijalankan sejak tiga hari lalu mempunyai motif balas dendam terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah Selangor sebelum ini.

Menurut beliau, tidak salah jika Selcat ingin membuat siasatan tetapi setiap yang mereka lakukan adalah bergantung pada niat dan jelas menunjukkan mereka berniat buruk.

'Sekiranya beliau mendapati dalam kerajaan terdahulu ada kelemahan dan merasakan mereka bagus, mereka akan membetulkan dan memperbaiki kelemahan itu, bukannya mengaibkan pihak tertentu.

'Apa yang mereka lakukan jelas mempunyai niat tidak baik dan apa yang mereka lakukan hanya menutup kelemahan mereka. Kerajaan negeri membuat pelbagai tuduhan terhadap BN tetepi sebenarnya mereka lebih buruk, katanya."

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Bertarikh pada 4 haribulan Mei, 2009.

Saya yang menurut perintah,

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha Bahagian
Dewan Undangan Negeri
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan

26/3/09
SINAR

# Selcat aibkan pihak tertentu: ADUN BN



● MARSUM PAING



● WARNO DOGOL

SHAH ALAM – Tindakan kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) didakwa mempunyai agenda tersiart untuk memburukkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing berkata, pendengaran awam Selcat yang dijalankan sejak tiga hari lalu mempunyai motif balas dendam terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah Selangor sebelum ini.

Menurut beliau, tidak salah jika Selcat ingin membuat siasatan tetapi setiap yang mereka lakukan adalah bergantung pada niat dan jelas menunjukkan mereka berniat buruk.

"Sekiranya beliau mendapati dalam kerajaan terdahulu ada kelemahan dan merasakan mereka bagus, mereka akan memperbetulkan dan memperbaiki kelemahan itu, bukannya mengaibkan pihak tertentu.

"Apa yang mereka lakukan jelas mempunyai niat tidak baik dan apa yang mereka lakukan hanya untuk menutup kelemahan mereka. Kerajaan negeri membuat pelbagai tuduhan terhadap BN tetapi sebenarnya mereka lebih teruk," katanya.

Katanya, jika dilihat dari segi ketelusan, kerajaan negeri juga tidak telus terutamanya berhubung isu pengeluaran tender dan sebut harga.

Kenyataan Marsum juga turut disokong oleh ADUN Sabak, Datuk Warno Dogol yang menganggap perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku terutamanya ketika pemilihan UMNO yang sedang berlangsung sejak 24 Mac lalu.

"Tidak wajar Selcat menjalankan pendengaran awam itu secara terbuka kerana ia masih dalam siasatan. Memang sikap mereka suka mengaibkan orang lain.

"Mereka tidak sepatutnya menyiarkan siasatan itu kepada awam kerana belum tentu kebenaran dan kesahihannya," katanya.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi Selcat, Haniza Mohamad Talha dalam kenyataannya berkata, penubuhan Selcat bukan untuk mencari salah sesiapa tetapi hanya mahu menyiasat kes-kes yang melibatkan pentadbiran kerajaan negeri kemudian.

Katanya, Selcat berbuat demikian bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh diperbaiki malah dapat mengelakkan kelemahan tersebut di masa akan datang dalam pentadbiran negeri dalam usaha mewujudkan urus tadbir yang lebih mantap dan telus.

Bagaimanapun, apa yang dilihat hari ini Selcat seolah-olah sedang mencari aib pihak tertentu.

Sinar
AKHBAR KOMUNITI ORANG SELANGOR•KL

...asaran
Malaysia
...aniem 016-666 6619
Hairi 019 - 6500 376

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

# SAMAN

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Jadual (Perkara LXXVII), Kuasa Dan Keistimewaan Dewan Negeri, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, saya bagi pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan ini memerintahkan bahawa kamu, **Dato' Haji Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,** dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada **12 Mei, 2009** dan tarikh selanjutnya yang akan diperintahkan, pada **jam 11.00 pagi, di Bilik Mesyuarat MMKN, Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor, 40680 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan** untuk memberikan pembelaan diri terhadap pertuduhan bahawa kamu telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak, kuasa-kuasa dan kebebasan Dewan seperti berikut:-

(i) bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan membuat kenyataan kepada Sinar Harian yang menyebabkan penerbitan laporan akhbar tersebut bertarikh 19 Mac, 2009 seperti berikut:-

> " Tindakan Selcat itu juga turut dibidas ADUN Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar yang mahu siasatan terhadap kes yang dilaporkan perlu menyeluruh dan tidak bias
>
> 'Sekiranya Selcat tidak memanggil pihak yang terbabit dalam isu lembu dan Lexus, kerajaan negeri menggunakan Selcat untuk merealisasikan agenda 'balas dendam' terhadap BN".

Peringatan adalah diberikan bahawa sekiranya kamu gagal untuk menghadirkan diri, keputusan bolehlah dibuat tanpa pembelaan kamu.

Bertarikh pada 4 haribulan Mei, 2009.

Saya yang menurut perintah,

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha Bahagian
Dewan Undangan Negeri
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan

# Khir serah kepada peguam

AZIE YAHAYA

SHAH ALAM- Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo menyerahkan kepada peguamnya untuk membuat keputusan sama ada akan hadir atau tidak untuk memberi keterangan dalam sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) yang dijangka bersidang pada 23 hingga 31 Mac ini.

Bekas Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau masih menunggu laporan siasatan penuh pihak polis berhubung pembubaran dan pemindahan dana Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis) seperti yang didakwa oleh kerajaan negeri.

"Isu Balkis ini tidak ada kena mengena dengan kerajaan negeri malah kita pernah disiasat oleh pihak polis berhubung perkara ini. Jadi, kita akan menunggu laporan penuh daripada pihak berkenaan mengenai perkara tersebut," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Pengerusi Selcat, Teng Chang Khim bahawa beliau dan isterinya, Datin Seri Zaharah Kechik antara 11 saksi yang akan dipanggil memberi keterangan dalam sesi pendengaran awam berhubung wang tajaan kepada badan bukan kerajaan (NGO) itu.

Chang Khim berkata Khir, Zaharah dan sembilan saksi dipanggil untuk memberi keterangan berhubung penajaan diterima Balkis daripada anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat swasta.

Malah, tindakan tegas akan dikenakan kepada saksi sekiranya gagal hadir memandangkan notis arahan kehadiran telah dikeluarkan.

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata saksi yang gagal hadir boleh dikenakan tindakan penjara 12 bulan atau denda tidak lebih RM3,000 mengikut Seksyen 3 Enakmen Penghinaan Dewan 2008.

> "Isu Balkis ini tidak ada kena mengena dengan kerajaan negeri malah kita pernah disiasat oleh pihak polis berhubung perkara ini."
>
> \- Mohamad Khir Toyo



Mengulas mengenai perkara itu, Mohamad Khir yang juga Ketua Pembangkang negeri ini mendakwa wujud komplot untuk menjejaskan reputasi beliau yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO pada pemilihan parti tidak lama lagi.

"Ini semua peluang untuk mereka memburuk-burukkan nama saya lebih-lebih lagi pemilihan tersebut tidak lama lagi dan mereka sengaja memilih tarikh tersebut untuk mengganggu proses pemilihan itu.

"Berkemungkinan mereka takut saya akan menang nanti," katanya.

Ditanya mengenai keputusan Lembaga Disiplin UMNO yang mendapati beliau tidak bersalah, beliau amat berterima kasih kepada pihak berkenaan kerana membersihkan nama beliau daripada tuduhan terlibat dalam politik wang.

"Saya amat bersyukur dengan keputusan berkenaan kerana selama ini saya bekerja keras dalam pertandingan berkenaan dan insya-Allah saya yakin akan menang dalam pemilihan tersebut," katanya.

Dari S1

# Isu lembu, Lexus tetap disiasat

RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM – Isu Lembu, Lexus dan pasir yang melibatkan adik Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim juga tidak terlepas dari siasatan sekiranya fail-fail yang berkaitan kes terbabit dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat).

Timbalan Pengerusi Selcat, Haniza Mohamed Talha berkata, mana-mana kes yang dirujuk kepada Selcat tetap disiasat dan akan dilakukan secara berperingkat mengikut hasil maklumat yang diperoleh.

Menurut beliau, kes Balkis didahulukan berbanding kes lain memandangkan segala maklumat dan fail-fail maklumat berkaitan telah diserahkan kepada Selcat lebih awal lagi.

"Selcat memanggil mereka kerana hanya mahu menyiasat kerana fail-fail maklumat mengenai isu Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis) telah dirujuk kepada Selcat tahun lalu.



HANIZA

"Selcat bukan untuk mencari salah sesiapa tetapi hanya mahu menyiasat kes yang melibatkan kerajaan negeri," katanya.

Menurut beliau, tujuan Selcat bagi mengenal pasti kelemahan dalam urus tadbir yang boleh diperbaiki.

Haniza berkata, Selcat juga ingin melihat bagaimana dapat mengelakkan kelemahan itu di masa akan datang dalam pentadbiran negeri dalam usaha mewujudkan urus tadbir yang lebih mantap dan telus.

"Kita hanya ingin menyiasat adakah wang penajaan yang disalurkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Sejauh mana pengurusan wang penajaan itu, adakah mengikut peruntukan yang betul?," katanya.

"Selepas hampir 11 kali bermesyuarat, Selcat memutuskan untuk memanggil 11 saksi untuk memberi keterangan berhubung isu Balkis," katanya.

Haniza turut memaklumkan Selcat akan mengadakan siasatan seterusnya berhubung kes perbelanjaan peruntukan setengah juta oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional dalam masa dua bulan sahaja sebelum 8 Mac 2008.

Ketika ditanya adakah tindakan penjara 12 bulan dan denda RM3,000 mengikut Seksyen 3 Enakmen Penghinaan Dewan 2008 telah diwartakan, beliau memaklumkan bahawa enakmen tersebut telah pun diwartakan dan perlu dipatuhi semua pihak.

# Selcat jangan pilih kasih: ADUN BN

SHAH ALAM – Jawatankuasa Pilihan Khas ke atas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) dianggap berat sebelah dan memilih isu sebagai subjek siasatan untuk didedahkan kepada umum.

Keputusan menyiasat kes yang sudah lama ditutup termasuk memanggil beberapa saksi untuk memberi keterangan pada sesi pendengaran awam berhubung penajaan anak syarikat negeri dan syarikat swasta terhadap badan bukan kerajaan (NGO) itu menampakkan kerajaan Pakatan Rakyat sekarang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri [illegible] Mohd Isa Abu Kasim berkata, perkara itu sepatutnya dielakkan bagi memastikan kredibiliti jawatankuasa tersebut tidak dipersoalkan.

"Kalau mereka benar-benar telus, mereka kena siasat semua kes dan bukannya pilih-pilih isu, kenapa mesti pilih kes tertentu?

"Kalau isu yang melibatkan pemimpin BN, bersungguh-sungguh hendak disiasat tetapi tidak melakukan tindakan sama terhadap pemimpin mereka terutamanya isu lembu dan Lexus," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Beliau berkata demikian ketika tindakan Selcat memanggil bekas Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Selangor (Balkis), Datin Seri Zaharah Kechik bagi memberi keterangan berhubung wang tajaan anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat swasta kepada NGO itu dalam sesi pendengaran awam pada 23 hingga 31 Mac ini.

Turut dipanggil, suami beliau yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan sembilan saksi lain dan Selcat memberi amaran akan mengambil tindakan tegas termasuk penjara 12 bulan atau denda RM3,000 sekiranya kesemua saksi gagal hadir.

Tindakan Selcat itu juga turut dibidas ADUN Hulu Bernam, Datuk Mohamed Idris Abu Bakar yang mahu siasatan terhadap kes yang dilaporkan perlu menyeluruh dan tidak bias.



MOHAMED IDRIS



SULAIMAN



MOHD ISA

"Sekiranya Selcat tidak memanggil pihak yang terbabit dalam isu lembu dan Lexus, kerajaan negeri menggunakan Selcat untuk merealisasikan agenda 'balas dendam' terhadap BN.

"Siasatan Selcat perlu menyeluruh kalau mereka betul-betul telus dan adil menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Sementara itu, ADUN Permatang, Sulaiman Abdul Razak berkata, cadangan akan dikemukakan kepada Selcat agar beberapa kes lain juga disiasat jawatankuasa tersebut.

"Kita juga perlu melihat kembali prinsip penubuhan Selcat yang mengutamakan kepentingan awam dan mengikut protokol yang telah ditetapkan, oleh itu semua pihak akan dipanggil untuk memberi keterangan termasuk menteri besar, Exco kerajaan negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan," katanya yang juga salah seorang daripada anggota Selcat.

**PENDENGARAN TERTUTUP**
**OLEH**
**JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN**

**12 MEI 2009 (Selasa), Jam 10.10 Pagi**
**Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Undangan Negeri,**
**Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor,**
**40000 Shah Alam**

---

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Baik, kita panggil Dato' Seri Khir Toyo...

**( Y.B. Dato' Seri Mohamad Khir bin Toyo mengambil tempat )**

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Dato' Seri... yang lain siapa ni?

**Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR**: *My lawyer...*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Semua?...7 orang..

**Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR**: Ye

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM:** *Lawyer* boleh duduk jarak daripada Ahli Jawatankuasa tak...belakang ada tempat..... takpe seorang je ...yang lain ok....*I don't want to be close, that's all.*

( Peguam-peguam mengambil tempat masing-masing )

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM:** *So others lawyer, don't just keep quiet before us.....*

**ENCIK M. ATHIMULAN:** *Just to speak* Y.B. Tuan Speaker..

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM:** *Yes. Can you please on the mic..*

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Y.B. Tuan Pengerusi, dan juga Y.B. – Y.B yang lain, saya...nama saya M Athimulan...

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM:** 'N' Athimulan

**ENCIK M. ATHIMULAN:** 'M' Tuan Speaker, bersama-sama dengan Encik Kamarul..

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM:** Encik Kamarul ...

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Encik Hasnal ...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Encik Hasnal....

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Encik..Mr Chin Hang Kuan...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Ye?

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Chin...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Chin..

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Ye..Encik Zulkarnain...Encik Hadi....Encik Adzly.. Tuan Speaker, mewakili Yang Berhormat Dato' Seri Khir Toyo dalam *proceeding* ini..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Ye..Setiausaha tolong ambik nama....bagi sekeping kertas untuk dia tulis nama.

( Urus setia mendapatkan nama peguam-peguam yang hadir )

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Ye..Dato' Seri, ada beberapa...ada empat pertuduhan terhadap kamu...saya minta Setiausaha bacakan pertuduhan tersebut.

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Y.B... *Can we speak on his behalf first Tuan Speaker?*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** *What do you want to say...*

**ENCIK M. ATHIMULAN:** *We want to raise some objection with this proceeding and we leave it to Tuan Speaker to decide on that ...can we Tuan Speaker...*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** *Yes...*

**ENCIK M. ATHIMULAN:** *Tuan Speaker..number one a...*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** ..tolong cakap dalam Bahasa Malaysia...

**ENCIK M. ATHIMULAN:** *Sorry,* Tuan Speaker. Tuan Speaker, Y.B. Khir Toyo telah diperintahkan hari ni untuk memberikan pembelaan terhadap beberapa pertuduhan seperti dalam saman yang dikatakan telah melakukan perbuatan menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Encik Athimulan....

**ENCIK M. ATHIMULAN:** *Yes..*Tuan Speaker..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Kalau kita ikut prosedur di mahkamah pun, tertuduh mesti dengar...pertuduhan kene dibacakan dulu sebelum ada bantahan awal...

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Dan kita buat bantahan awal sebelum diambil *plea* Tuan Speaker...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** Encik Athimulan biasa buat *litigation*?

**ENCIK M. ATHIMULAN:** Biasa..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM:** biasa...sepatutnya tahu pertuduhan mesti baca dulu...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *That case leave it to Tuan Speaker..*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Dia kene mula dengan *prosedur*nya..betul?

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Ok

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Semuanya handal-handal... Encik Hasnal pun saya kenal lama... semua handal-handal ni..prosedurnya sepatutnya kita baca dulu...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Ok Tuan Speaker.

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Silakan Encik Yasid..

**ENCIK MOHAMAD YASID**: Tuan Pengerusi, saya akan bacakan 3 pertuduhan..1 hingga 3..pertuduhan keempat saya minta bantuan daripada Penolong Setiausaha saya..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye

**ENCIK MOHAMAD YASID**: Pertuduhan pertama: "bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dengan mengingkari Perintah SELCAT bertarikh 12.3.2009 di mana kamu telah gagal menghadirkan diri di hadapan SELCAT pada 24, 25 dan 26 Mac 2009. " Yang kedua: " bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam rencana kamu dalam blog "Cetusan Dr Mohamad Khir Toyo" bertarikh 2 April 2009 bertajuk "Selcat- Alat Mencari Kebenaran atau Serangan Peribadi" di mana kamu menyatakan :

( a ) dalam perenggan 1, "Sepertimana dijangkakan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) yang mengadakan sidang mereka sejak minggu lalu hanyalah bertujuan memburukkan saya tanpa berminat mencari kebenaran mahu pun kesalahan.";

( b ) dalam perenggan 2, "Sungguh menghairankan bagaimana sidang Selcat yang asalnya hanya bertujuan melihat sumbangan anak syarikat kerajaan negeri kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (Balkis) telah merayau-rayau ke dalam kewangan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Aneh sekali tidak pula dipantau keseluruhan kewangan PNSB tetapi diambil bahagian-bahagian tertentu sahaja dengan niat ingin memburukkan saya.";

( c ) dalam perenggan 14, "Ini semua dilakukan hanyalah untuk menghalalkan tindakan Tan Sri Khalid menyalah guna kuasanya menggunakan wang anak syarikat kerajaan negeri untuk kepentingan politik beliau di Bandar Tun Razak (skandal lembu korban) dan tindakan beliau membuat tuntutan wang kerajaan negeri untuk *"tinted"* kereta peribadinya.";

( d ) dalam perenggan 16, "Selcat patut menjaga integriti Dewan Undangan Negeri bukannya menjadi alat politik semata-semata sehinggakan pertanyaan yang dikemukakan berunsur memburukkan orang bukannya mencari kebenaran."; Yang ketiga: bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu

kepada akhbar yang disiarkan dalam Sinar Harian bertarikh 18 Mac 2009 iaitu "Mengulas mengenai perkara itu, Mohamad Khir yang juga Ketua Pembangkang negeri ini mendakwa wujud komplot untuk menjejaskan reputasi beliau yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO pada pemilihan parti tidak lama lagi. Ini semua peluang mereka memburuk-burukkan nama saya lebih-lebih lagi pemilihan tersebut tidak lama lagi dan mereka sengaja memilih tarikh tersebut untuk mengganggu proses pemilihan itu.",

**CIK MAZIAN BINTI MANAN**: Keempat ; bahawa kamu telah menghina Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dalam kenyataan kamu kepada akhbar yang disiarkan dalam *The Star* bertarikh 19 April 2009 iaitu "*My lawyer advised me not to go. It was a one-sided hearing. Selcat called me on the Balqis issue but I am not a Balqis member, so there is no locus standi for me to talk. I cannot clear my name because it is a structured hearing. Selcat is made up of my political opponents. The only two Barisan members in it went the first day and stayed away after that. And Selcat wants me, their enemy, to appear before them? If you and I are fighting, would you have something good to say about me? If I go to Selcat, it is like I* serah diri *(surrender) before my political enemy. They are not interested in the truth. They are just trying to look for* kesalahan orang *(find fault). If they are after the truth, they would have had professionals not politicians conducting the hearing. If it was conducted by ex-judges and non partisan ex-top civil servants, then I would have gone.*"

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye..Encik Athimulan.. Ye...err..tahu tak Encik Athimulan peguam hadir ni berdasarkan seksyen mana dalam peruntukan..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Seksyen 77 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri...*schedule* dan juga jadual ke 8.....

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Jadual ke 8, seksyen berapa?

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *An Article 77* Tuan Speaker.. ... *Powers and Privileges of Legislative Assembly*....section 8, *"every person ordered to attend to give evidence or to produce any paper, book, record or document before the Assembly or any committee shall be entitled, in respect of such evidence or the disclosure of any communication or the production of any such paper, book, record or document, to the same right or privilege as before a court of law"...right say on the article 5(2) Federal Constitution right to council.*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: *You mention the* jadual.. *which section is it...*

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *Section 8* Tuan Speaker ...8 (1) ...8 kurungan 1

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: *But I remind you, Section 6 sub 6* Jadual kepada Peraturan menetapkan.. " Pihak-pihak bukan saksi yea...yang mana kelakuannya adalah menjadi hal perkara atau satu daripada hal perkara penyiasatan oleh Jawatankuasa Pilihan itu, atau hak-hak dan kepentingannya adalah terjejas secara langsung oleh perkara yang telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Pilihan itu bagi pertimbangan, boleh hadir sendiri atau hadir bersama peguam yang cuma bertindak sebagai pemerhati sahaja dengan izin Jawatankuasa "

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Tuan Speaker, peraturan tu dibuat dibawah *standing order* 70, 71 Tuan Speaker?

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye

**ENCIK M. ATHIMULAN**: 71?..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Tapi ...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: err...di bawah 73..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Tapi perbicaraan di hadapan Tuan Speaker hari ni adalah mengikut *standing order* 70..bukan 71 err 73...this is under hak-hak dan juga pilih *Committee* bukan SELCAT

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Jawatankuasa...dia Jawatankuasa...ini peraturan...dia bukan pakai satu saje..mahkamah pun bukan pakai satu saja..peraturan dibuat dibawah 73...*proceeding-proceeding*...dalam Peraturan Tetap...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *Proceeding,* Tuan Speaker 73 khasnya kepada SELCAT

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Bukan pada SELCAT.. pada Jawatankuasa...pada Jawatankuasa..*not only SELCAT..*

**ENCIK M. ATHIMULAN**: So..Tuan Speaker menghalang pihak kami untuk ..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Tak menghalang, saya cuma mengingatkan...saya nak pastikan semua yang hadir tahu kedudukan masing-masing..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Bagi kami Tuan Speaker...kami

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: ..ye..ye.. saya minta teruskan jika ada bantahan awal..saya minta teruskan...cuma saya ingatkan kedudukan masing-masing ye..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: So.. bantahan awal Tuan Speaker.. yang pertama; terjadinya pertembungan kepentingan iaitu *conflict of interest* terhadap kedudukan Speaker sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) dan juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan. Ini adalah kerana SELCAT merupakan pengadu kepada dakwaan pertuduhan yang terkandung dalam saman ini. Dalam kapasiti sebagai Pengerusi SELCAT beliau, Tuan Speaker telah mendengar dan menyiasat alegasi-alegasi berkenaan BALKIS. Oleh itu *proceeding* di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini adalah bercanggah dengan keadilan asasi khususnya bila mana Jawatankuasa ini khasnya Tuan Speaker melalui saman bertarikh 4 Mei 2009 mengisytiharkan seperti mana dalam pertuduhan. Oleh itu adalah jelas pada hemat kami bahawa Tuan Speaker di dalam kapasiti sebagai Pengerusi kedua-dua Jawatankuasa telah bertindak sebagai...*is our belief* Tuan Speaker..pengadu dan pendakwa dan pembuat keputusan terhadap perbicaraan ini Tuan Speaker.

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: Yea...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Kedua Tuan Speaker; pada hemat kami Jawatankuasa ini telah khilaf dari segi undang-undang di dalam mentafsirkan perkataan 'saman' di dalam perenggan 5 jadual di bawah artikel 77 kepada Undang-undang Tubuh Negeri Selangor...

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: ...nanti... mana tu...Fasal mana...artikel mana...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Artikel 77 Tuan Speaker..Seksyen 5..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: 77...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *Artikel 77...Powers and Privileges of the Committee*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM** : Nanti-nanti, saya rujuk pada situ yer....75..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: 77 Yang Arif..*the schedule*..

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: *Schedule?...*

**ENCIK M. ATHIMULAN**:..*Yes schedule...sorry... Section 5*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: *Section 5...yes*

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *It's our understanding Tuan Speaker..*

**Y.B TUAN TENG CHANG KHIM**: *Yes.. what is your objection*..apa bantahan?

**ENCIK M. ATHIMULAN**: *Shall I just proceed Tuan Speaker?*

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye...sila..

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Perkataan 'saman' dalam perenggan 5 Jadual di bawah artikel 77 kepada Undang-undang Tubuh Negeri Selangor sebagai bermaksud saman yang mengandungi pertuduhan sedangkan perkataan saman dalam perenggan-perenggan khasnya jadual 5 bermaksud untuk menuntut keadilan atau kemukakan dokumen dan juga untuk memberikan keterangan dalam cara yang sama sesuatu 'subpoena' beroperasi dari segi undang-undang. Oleh yang demikian Jawatankuasa ini tidak mempunyai bidang kuasa atau melampaui bidang kuasa bila mana Jawatankuasa ini mengissue saman yang mengandungi pertuduhan-pertuduhan dan juga disuruh memberi pembelaan. Itu bantahan yang kedua Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM**: Em...

**ENCIK M. ATHIMULAN**: Ketiga Tuan Speaker, saman ini adalah *defective* dari segi peruntukan undang-undang khususnya Kanun Acara Jenayah Seksyen 152 iaitu pertuduhan-pertuduhan yang terkandung dalam saman ini tidak menzahirkan atau membutirkan kesalahan-kesalahan substantive ataupun peruntukan-peruntukan undang-undang yang kononnya telah diingkari. Dengan demikian kita bantahkan..dan

juga Encik Kamarul akan tambahkan satu lagi isu undang-undang, Tuan Speaker. Pohon kebenaran.

**Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM**: Ye..sila...

